

Jadikan disiplin puasa

BH 12 JUL 1983

amalan harian

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengesyorkan agar disiplin berpuasa yang diamalkan selama sebulan oleh umat Islam itu diteruskan dalam kehidupan seharian, walaupun Ramadan telah berlalu.

Katanya, ini perlu dilakukan kerana setiap usaha untuk mencapai kejayaan itu memerlukan disiplin dan tanggungjawab.

"Sesebuah negara juga hanya akan dapat maju dan membangun sekiranya penduduknya berdisiplin.

"Begitu juga dengan negara kita yang sedang membangun dan berusaha untuk mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, disiplin adalah satu faktor yang amat penting," tambahnya.

Dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan bahawa dalam ketenangan menyambut hari yang mulia ini, jasa pasukan keselamatan yang bertungkus-lumus mengawal keamanan tidak dilupakan.

Mereka ini telah mengorbankan nyawa dan tenaga untuk menentang musuh-musuh negara supaya kita dapat tinggal dalam keadaan aman dan selamat.

Kenang pahlawan

"Sebahagian dari mereka kini bertugas jauh di sempadan dan ada yang terpaksa berjauhan dengan keluarga mereka," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, amalan puasa telah menjadikan umat Islam supaya lebih bersabar, sanggup berusaha dan berkorban di masa hadapan.

Oleh itu, kita tidak sepatutnya menyambut Hari Raya ini dengan cara-cara yang bertentangan dengan lunas-lunas Islam, sebaliknya hendaklah meneruskan amalan mulia sepanjang Ramadan itu.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Islam menuntut kita supaya saling maaf-memaafan antara satu dan lain, mewujudkan persaudaraan dan memperbaharui hubungan kekeluargaan.

Dalam hal ini, kunjung-mengunjung antara rakyat yang berbilang keturunan akan menggalakkan persefahaman dan persaudaraan yang lebih erat di kalangan rakyat, katanya lagi.

"Perpaduan dan persefahaman adalah faktor penting untuk menjamin kestabilan serta kemakmuran negara kita.

"Islam adalah agama kedamaian dan di Hari Raya inilah perlu kita buktikan kepada semua pihak tentang maksud Assalamualaikum, selamat pagi, selamat petang dan seterusnya," kata beliau.